

Pendidikan: Matlamat Dan Fungsinya

Hussin Bin Sarju, Rohana Binti Hamzah, Amirmudin Bin Udin

ABSTRAK

Artikel ini menyentuh mengenai matlamat pendidikan dan fungsinya yang mempengaruhi ketamadunan sebuah bangsa. Pendidikan dipelajari dan boleh diterima secara pendidikan formal juga pendidikan tidak formal. Hal ini demikian kerana, melalui pendidikan berkualiti boleh memandu manusia ke jalan kebenaran menggunakan sumber pendidikan yang berkualiti berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Sunah. Malahan pendidikan yang diterima dapat menjana dan melahirkan individu yang berpendidikan dan berketerampilan yang tinggi akhlaknya. Bagi memastikan matlamat ini tercapai masyarakat perlulah bekerjasama dan mengembeling tenaga bersama-sama demi memastikan pendidikan yang diterima oleh generasi kini dapat membina insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Melalui pendidikan yang dimiliki dapat memberi panduan dan bimbingan kepada individu untuk membina kehidupan yang sejahtera dan menghadapi cabaran arus globalisasi yang bersifat universal.

Pengenalan

Pendidikan adalah salah satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia. Manusia akan dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Individu dan keluarga yang berilmu dan meletakkan ilmu sebagai cara hidup akan lebih mudah membuat satu keputusan yang tepat (Wan Hassan 2007). Ikatan silaturahim dalam keluarga dan masyarakat juga akan menjadi lebih kukuh.

Pendidikan dalam sesebuah masyarakat memerlukan sistem nilai yang mampu dikembangkan dan disuburkan supaya warganya memiliki etika yang tinggi dalam kehidupan. Pendidikan juga merupakan satu proses menimba ilmu terpenting dalam kehidupan manusia. Proses pendidikan akan berlaku di sepanjang hayat manusia. Bermula di dalam kandungan ibu sehingga akhir hayat. Fasa pendidikan tersebut akan berlangsung dalam kehidupan manusia sama ada secara formal ataupun tidak formal.

Di dalam proses pendidikan ini manusia membangunkan semua potensi yang ada merangkumi potensi akal (*cognitive*), jasmani/tingkah laku (*psikomotor/behaviour*), rohani dan rohani (*spiritual*). Kesemua potensi ini berkembang dalam kehidupan manusia bermula sejak dilahirkan. Perkembangan kesemua potensi tersebut dapat meningkatkan kapastiti daya

intelektual, kemahiran dan kepekaan kepada persekitaran sosial terutamanya melalui tunjuk ajar. Hal ini bersesuaian daripada dapatan <http://encyclopedia.co.uk> ; pendidikan merujuk kepada:

Process, beginning at birth, of developing intellectual capacity, skills, and social awareness, especially by instruction”.

(Dicapai pada 30 September 2010)

(Dari <http://www.encyclo.co.uk/define/Education>)

Menurut www.Dictionary.com ; Education (pendidikan) pula merujuk kepada :

“the act or process of imparting or acquiring general knowledge, developing the powers of reasoning and judgment, and generally of preparing oneself or others intellectually for mature life.”

Pendidikan bermaksud satu proses menyampai dan menimba pengetahuan untuk membangunkan daya intelek dan keyakinan diri manusia. Oleh hal yang demikian, akan meningkatkan kematangan untuk memberikan pendapat dan berhujah semasa menjalani kehidupan sebenar.

Oleh itu, secara ringkasnya pendidikan memberi maksud segala pengalaman yang diperoleh melalui pancaindera memberi kesan kepada pemikiran manusia. Maklumat yang diterima secara berstruktur akan membentuk fizikal dan tingkah laku manusia. Pengetahuan, kemahiran dan nilai murni akan diwarisi dari generasi ke generasi dalam proses membangunkan ketamadunan negara bangsa secara berterusan.

Matlamat Dan Fungsi Pendidikan

Matlamat pendidikan yang utama adalah untuk membangunkan manusia berdasarkan fitrah dan melahirkan keharmonian diri. Keharmonian fitrah ini akan membangunkan kehidupan dan mendokong serta menjunjung prinsip keadilan dan kebenaran (Sidek Baba, 2010). Menurut Falsafah Metafizik tujuan utama pendidikan ialah untuk mencapai kesedaran diri,

berpengetahuan, dan mengembangkan potensi diri selari dengan fitrah dan nilai kerohanian manusia.

Pendidikan juga mendidik manusia berfikir secara rasional, bebas dan baik dan juga dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan (Abdul Fatah Hassan, 2003). Selain itu pendidikan juga mesti bertujuan mensosialisasikan individu dalam masyarakat. Pendidikan yang berkualiti juga dapat membentuk fikiran yang sihat. Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan juga akan melengkapkan individu supaya boleh memahami konsep kemerdekaan dalam kehidupan. Hal ini akan menjadikan seseorang individu itu menghormati perlembagaan, taat kepada raja dan tahu tanggungjawab sebagai seorang warganegara.

Oleh hal yang demikian, pendidikan ialah satu proses mengembangkan potensi individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Dengan kata lain pendidikan ialah satu proses untuk mengembangkan potensi individu yang mengenali diri dan tujuan hidupnya.

Sumber Pendidikan

Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987), terdapat beberapa konsep yang jelas membentuk para pendidik melaksanakan amanah untuk menghidupkan kehidupan beragama. Antara konsep itu ialah bersepadu, insan harmoni, rohani, kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Konsep tersebut adalah bertunjangkan kepada prinsip hidup beragama, khususnya pengajaran yang terdapat di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Sumber pendidikan yang benar dapat membangunkan insan yang berkualiti. Apabila insan itu baik dengan sendirinya ilmunya akan cemerlang dan sikapnya akan harmoni dengan fitrah yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Insan yang berilmu dan beriman akan menghiiasi dirinya dengan akhlak-akhlak yang baik dan tingkah laku yang harmoni. Malu untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dan bercanggah dengan norma-norma kehidupan seperti pecah amanah, rasuah dan sebagainya.

Al-Quran dan Al-Sunnah akan meningkatkan potensi rohani yang cemerlang. Rohani atau jiwa yang tenang adalah anugerah daripada Allah SWT untuk memberi kekuatan kepada

kehidupan di dunia dan di akhirat. Apabila rohani itu suci maka keseluruhan kehidupan akan baik, akal menjadi sihat, emosi akan menjadi stabil dan fizikal akan sejahtera.

Kekuatan rohani terletak kepada penghayatan dan amalan beragama yang yang mengukuhkan hubungan manusia dengan penciptanya. Semakin tinggi amalan beragama semakin mantaplah rohaninya (Tajul Ariffin, 2010). Tegasnya, manusia berpendidikan berteraskan kepada kebenaran dan asuhan tingkah laku akan melahirkan insan yang harmoni fitrahnya. Kefahaman ini akan membawa manusia menghayati dan mengamalkan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah secara holistik dalam kehidupan mereka. Semakin tinggi tahap pemikiran mereka semakin kuat pegangan akidah mereka kepada penciptanya.

Justeru, pendidikan mesti berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Agama hendaklah menjadi paksi dan menjadi rujukan kepada keseluruhan sistem dan amalan pendidikan. Agama itu hidup dan akan membina ketamadunan dan kesejahteraan kehidupan sejagat. Sekiranya Al-Quran dan Al-Sunnah menjadi rujukan, sudah pasti pendidikan di Malaysia akan lebih berkualiti dalam usaha membangunkan ilmu, manusia dan kehidupan. Pendidikan yang berkualiti juga boleh membawa insan hampir dan cinta kepada TuhanNya, seterusnya menyalurkan rasa cinta kepada kebenaran dan menolak kemungkar. Ini asas mencorak keilmuan yang mantap dan seterusnya mencorak ketamadunan bangsa yang utuh.

Kaedah Pendidikan

Dalam dunia moden dan canggih, manusia menerima setiap ilmu dengan hadir ke sekolah atau melalui aktiviti-aktiviti keilmuan secara formal dan tidak formal. Sejarah tamadun manusia di dunia mempunyai dasar dan kaedah pendidikan tersendiri.

Di Malaysia **pendidikan formal** mempunyai lima peringkat iaitu pra sekolah, peringkat sekolah rendah, peringkat menengah rendah, peringkat menengah atas dan lanjutan. Peringkat pra sekolah bermula seawal umur kanak-kanak 4,5 dan 6 tahun. Pendidikan ini untuk menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid bagi menyuburkan potensi mereka dari aspek perkembangan menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan ke sekolah rendah. Pendidikan pra-sekolah menekankan pendidikan yang mudah bermula dengan kemahiran mengenal huruf, bersosial dan berinteraksi sesama mereka.

Pendidikan peringkat kedua ialah kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun. Mereka menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah berteraskan pendidikan KBSR. Prinsip utama KBSR menekankan kepada kemahiran asas seperti menulis, membaca, mengira, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penerapan nilai-nilai murni, patriotism dan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid. Kesenambungan pendidikan ini diteruskan di peringkat sekolah menengah selama 5 atau 6 tahun lagi (KBSM). Di akhir setiap peringkat pendidikan, pelajar akan menduduki peperiksaan awam. Keupayaan pelajar melengkapkan pendidikan wajib memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di universiti dan pusat-pusat latihan . Kesimpulannya KBSR dan KBSM bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan seiring dengan pendidikan dunia.

Sistem pendidikan formal di Malaysia hampir sama dengan sistem pendidikan di Belgium seperti yang dinyatakan di www.projects.aegee.org/educationunlimited ;

*“**Formal education (FE)** - the hierarchically structured, chronologically graded 'education system', running from primary school through the university and including, in addition to general academic studies, a variety of specialised programmes and institutions for full-time technical and professional training”.*

(Dicapai pada 30 September 2010)

Berdasarkan kepada petikan di atas dapat dijelaskan bahawa pendidikan atau pun penerokaan ilmu secara formal ini adalah berstruktur, bertunjangkan tempoh masa, penilaian secara pemberian gred dan dikawal secara pusat dari aspek kandungan kurikulumnya. Secara tidak langsung, keilmuan yang disampaikan adalah terhad dan berteraskan pencapaian dalam peperiksaan.

Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan awal yang diterima oleh kanak-kanak melalui institusi kekeluargaan. Peranannya adalah terhadap pengajaran nilai-nilai moral dan mengurus kehidupan hariannya melalui penglihatan, pendengaran dan pengamatan.

Pendidikan tidak formal juga merupakan hasil daripada interaksi manusia dengan persekitarannya. Pendidikan ini bergantung kepada tahap kematangan seseorang individu mentafsirkan dengan persekitaran. Perhubungan atau interaksi yang aktif terhadap persekitaran boleh meningkatkan input kepada pemikiran dan dapat meningkatkan pengetahuan serta kematangan seseorang individu. Individu yang boleh mengaitkan persekitaran dengan penciptanya lebih mudah untuk mencapai kehidupan yang bersifat universal (sejagat) dan

kenal akan dirinya kerana kehidupan adalah proses pendidikan sepanjang hayat, sesuai dengan kenyataan:

***Informal education (IFE)** - the truly lifelong process whereby every individual acquires attitudes, values, skills and knowledge from daily experience and the educative influences and resources in his or her environment - from family and neighbours, from work and play, from the market place, the library and the mass media.*
www.projects.aegee.org/educationunlimited

(Dicapai pada 30 September 2010)

Berdasarkan kepada petikan di atas, proses pendidikan berlaku sepanjang hayat dan dipengaruhi oleh sumber yang ada di pesekitarannya. Pengalaman yang diperolehi daripada persekitaran yang melibatkan masyarakat setempat, keluarga, tempat kerja dan juga media massa boleh membantu individu mendapatkan kemahiran dan nilai-nilai yang baik.

Persoalannya adakah pendidikan formal dan tidak formal yang diamalkan masa kini boleh mengembangkan potensi individu ke arah insan yang sedar diri (*self-actualization*)?

Adakah manusia melihat hasil berbentuk material melalui sistem pendidikan formal? Adakah manusia mampu melihat hakikat kehidupan melalui sistem pendidikan tidak formal?

Cabaran Dan Peranan Pendidik

Melihat kepada senario hari ini gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Saban hari kita melihat kisah-kisah remaja kita yang tidak seharusnya berlaku seperti merempit, mencabul kehormatan, tidak menghormati orang tua dan vandalisme. Kes pembuangan anak dan pembuangan bayi sering dipaparkan melalui media massa sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Tanpa rasa bersalah dan sifat keperimansian bayi yang masih merah dibuang ke dalam tong sampah. Bahkan ada mayat bayi yang telah bercerai daripada badan digonggong oleh anjing. Semuanya dilakukan tanpa balas kasihan. Perkara ini menunjukkan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan.

Kebanyakan remaja yang terjebak dalam aktiviti tidak bermoral ini merupakan pelajar sekolah dan lebih tragis lagi anak-anak remaja yang sedang menuntut di Intitusi Pengajian

Tinggi. Fenomena ini berlaku adalah disebabkan anak-anak remaja kita cukup ke hadapan. Mereka lebih bijak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama berbanding perkara-perkara yang baik yang sepatutnya mereka ikut. Menurut Puan Rosmawati Zainal, Pengarah Pusat Bimbingan Raudhatul Sakinah: Kebanyakan remaja terutama di Malaysia telah mengetahui mengenai seks tanpa diberitahu (Anis Julai 2010).

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini, anak-anak remaja kita kurang didikan agama dan tidak kenal akan diri mereka. Mereka melihat pendidikan secara formal dan tidak formal sebagai satu cara untuk mendapatkan ilmu yang boleh menghasilkan imbuhan material sahaja seperti mempunyai pekerjaan yang baik dan mendapat gaji yang lumayan (Sidek Baba, 2007). Konsep nilai mula dipinggirkan. Ibu bapa kini lebih mementingkan pencapaian akademik dan selari dengan kehendak dunia masa kini.

Ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dengan anak-anak. Mereka perlu memainkan peranan yang penting memupuk emosi yang seimbang terhadap anak mereka. Ibu bapa perlu memberi kasih sayang, bimbingan, nasihat, panduan dan menjadi sahabat yang paling akrab kepada anak. Ibu bapa juga perlu mempunyai inisiatif untuk mencegah perilaku anak yang tidak bermoral. Ibu bapa seharusnya sentiasa memantau dan memerhatikan aktiviti anak remaja mereka.

Sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat mengenai aktiviti anak mereka menjadi punca utama anak-anak terjebak ke kancuh maksiat. Ibu bapa seharusnya menjadi masyarakat yang prihatin dan memberi bimbingan berterusan kepada anak-anak. Pendekatan yang sesuai digunakan ialah dengan cara mentarbiah dan mendidik anak dengan lebih berkesan, selaras dengan kehendak agama Islam.

Ibu bapa juga perlu mengetahui hakikat bahawa anak-anak itu adalah amanah Allah KEPADANYA. Tugasnya sebagai pendidik ialah membina keperibadian anak-anak. Ibu bapa juga mesti berusaha menjadikan dirinya "*role model*", contoh ikutan yang baik kepada anak-anak. Didikan yang baik ialah didikan yang memberi kesan kepada anak-anak dengan menggunakan input yang terbaik.

Selain daripada ibu bapa para, pendidik juga merupakan warga yang bertanggungjawab menggalas amanah mendidik anak bangsa supaya menjadi insan kamil, berjasa kepada ibu bapa, masyarakat, negara dan agamanya.

Para pendidik perlu memahami dan menghayati peranan sebagai khalifah dengan mencari dan membina ilmu berteraskan kebenaran sejagat (Tajul Arrifin,2010). Para pendidik perlu menghayati konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1987, yang menjadi dasar pemikiran ke arah kebenaran sejagat. Mewujudkan insan seimbang, harmonis, insan yang tahu tanggungjawab melaksanakan peraturan dengan hubungan manusia terhadap penciptaNya, manusia dengan masyarakatnya, dan manusia dengan alam sekitarnya. Inilah yang disebut sebagai tanggungjawab moral dan sosial terhadap kehidupan dan alam sekitar. Amanah dan tanggungjawab yang besar inilah yang perlu dan difahami oleh para pendidik.

Bagi melengkapkan peranan pendidikan para pendidik perlu memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menghayatinya. Terutamanya dari aspek rohani, emosi dan nilai murni. Kita selalu ingat perkataan holistik tetapi kita selalu terlupa terasnya, iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Sehubungan dengan hal itu, para pendidik hendaklah meletakkan hubungan dengan Tuhan sebagai paksi utama. Apa sahaja keputusan yang diambil terhadap hubungan sesama manusia dan alam sekitar hendaklah merujuk kepada sumber yang benar iaitu Al-Quran dan Al-Sunah. Keputusan tersebut akan membawa kepada kebenaran sejagat.

Para pendidik mesti mempunyai keyakinan yang mantap dan berpegang teguh terhadap tali Allah itu berlandaskan keyakinan terhadap kalimah "**La illah ha illallah**" yang bermaksud "tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah". Sesungguhnya Allah itu Maha Esa (Unity). Segala ciptaan yang ada di alam ini adalah bukti kepada sifat-sifat infinitif dan kuasa infinitifNya. Kalimah ini adalah talian terus yang meletakkan agama Islam agama yang membawa manusia mendekati diri kepada Allah dengan cara yang paling hampir. Keyakinan terhadap jalan yang lurus ini mesti dibina bermula daripada tahap yang paling awal bermula di sekolah rendah lagi. Keyakinan dalam hidup beragama hendaklah diperteguhkan dan diperkembangkan sebagai budaya dan amalan harian.


Para pendidik perlu menjadikan kebenaran wahyu sebagai visi dan misi dalam pendidikan. Kebenaran wahyu ini berfungsi menjadi asas panduan dalam proses berfikir. Minda dan akal anak-anak menuju ke arah yang satu iaitu keyakinan terhadap kuasa infinitifNya. Keinginan untuk mencari kebenaran akan berkembang dengan adanya peluang dan galakan yang berterusan. Potensi pelajar akan berkembang secara sihat, iaitu potensi berfikir, mengkaji dan membuat penilaian serta hipotesis.

Tingkah laku yang berpaksikan kebenaran menurut Al-Quran dan Al-sunnah sahaja yang dimaksudkan sebagai akhlak Karimah.

Rumusan

Perbincangan ini hanya berkisar mengenai maksud pendidikan, kaedah dan mencari hala tuju sebenar pendidikan di negara kita. Ibu bapa dan para pendidik perlu memahami maksud yang tersurat dan tersirat kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan sebenarnya. Pendidikan secara formal dan tidak formal sebenarnya saling berkaitan, menjurus kepada mengembangkan segala potensi individu secara keseluruhannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Apa yang penting matlamat akhir dalam konteks tulisan ini ialah untuk membina kebenaran segagat (universal), iaitu kebenaran yang diukur dengan ilmu wahyu. Dengan kebenaran ini para pendidik perlu memberi bimbingan yang sebenar-benarnya kepada pelajar. Pelajar juga perlu dibimbing menggunakan daya intelektual secara maksima dan menterjemah maksud ilmu yang tersirat menggunakan potensi rohani secara seimbang. Dengan ini, sistem pendidikan kita dapat membina generasi yang bersifat universal dan membina kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat bersesuaian dengan kerangka konsep di bawah:



Rajah: Kerangka Konsep Bagi Peranan Pendidik Untuk Membina Kebenaran Universal

Sumber: Pendidik Bil 69/Februari 2010

Kini, menjadi tanggungjawab pendidik untuk berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara yang diolah dengan cukup baik. Seterusnya akan terbinalah masyarakat yang mempunyai daya intelektual seiring dengan kebenaran sejagat (universal).

Rujukan

Abdul Fatah Hassan (2003). Pengenalan Falsafah Pendidikan Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mohd Khalid Hj Nordin, Dr Wan Hassan Wan Ahmad (2007). Mendidik anak Dari Jiwa Yang Tenang. Seremban: Tripple Power Consultant.

Robiah K. Hamzah, Ph.D (2003). Teknik Dan Strategi Membimbing Remaja. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mohd Daud Hamzah (1993). Liputan Kurikulum Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jalilah Abdullah (2010). Ayah Marah Ibu Diam. Anis Jun 2010., ms 84

Jurnal Pendidikan (2007). Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Panduan Pembinaan Jati Diri Pelajar SBP (2005). Sector Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Siti Nor Bahyah Mahmood, Jaafar Salleh (2005). Panduan Mencergaskan Minda. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.

Sidek Baba (2010). Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu. Pendidik Bil 73/Jun 2010., ms 57.

Sidek Baba (2007). Pendidikan Dan Kemerdekaan. Pendidik Bil 40/September 2007.ms 57.

Shahlil Talib (2010). Punca Berlakunya Zina. Anis Julai 2010.,ms 12.

Konsep Pendidikan Formal dengan Muatan Budaya Multikultural. Jurnal pendidikan Penabur-
N0.04/Th.IV/(53-58)July 2005

Tajul Ariffin Noordin (2010). Pendidik Bina Kebenaran Universal. Pendidik Bil 69/Februari
2010.,ms 55

Tajul Ariffin Noordin (2010). Pemikiran Sihat Landasan Rakyat Bertaraf Dunia.Pendidik Bil
72/Mei 2010.

Tajul Ariffin Noordin (2010). Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu.Pendidik
Bil 73/Jun 2010., ms57.

<http://encyclopedia.farlex.com>

http://_www.Dictionary.com

http://_www.projects.aegee.org/educationunlimited

<http://www.encyclo.co.uk/define/Education>